

Lelaki Lembut: Faktor Dan Kesannya Kepada Pembentukan Sahsiah Mahasiswa IPTA

Farahwahida Binti Mohd Yusof & Sharifah Munirah Binti Timmiati
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi lelaki lembut di Universiti Teknologi Malaysia. Disamping itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui kesan pembentukan sahsiah lelaki lembut serta menghuraikan kedudukan lelaki lembut dalam perspektif Islam. Kajian ini menggunakan metode penentuan subjek, metode pengumpulan data dan metode analisis data untuk mendapatkan hasil kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor teman-teman sangat mempengaruhi lelaki lembut. Selain itu juga, faktor keluarga dan media turut mempengaruhi golongan lembut. Kesan pembentukan sahsiah lelaki lembut tidak dinafikan memberi telah memberi kesan kepada mereka. Dalam konteks Islam pula, tiada istilah lelaki lembut. Golongan ini dikategorikan sebagai *tranvestite* dan hukum haram sekiranya mereka bertingkah laku seperti perempuan dan menukar jantina. Di akhir kajian, beberapa cadangan turut dikemukakan kepada pihak-pihak tertentu untuk mengatasi golongan lelaki lembut.

Abstract: This survey is conducted in order to know the factors that influence the metroman in UTM. Besides, this research is done in order to know the formation of this metroman and to explain the position of this metroman in the muslim perspective. Survey used the subject identification method, data identification method and data analysis method in order to obtain result. The result shows that friends seems to be the main factor that influence this metroman. Besides that, family and media factor also can influence this metroman. It is definitely undeniable can causes effect to self formation of this metroman. In the Islamic context, there is no term for metroman. This group is categorized as transvertite and forbidden if they try to act as a woman and undergo change of sexes. In the end, some ideas are given to certain parties in order to overcome this metroman group.

Katakunci: lelaki lembut, pembentukan sahsiah

Pengenalan

Fenomena lelaki lembut ini sudah lama berlaku khususnya di negara Barat dan mereka bebas untuk menjalankan kegiatan mereka. Sekiranya kegiatan mereka ini dihalang dan disekat, golongan ini akan menentang kononnya ini adalah hak asasi mereka yang tidak boleh dicabuli. Kegiatan ini juga diterima masuk ke Malaysia dengan dapat disekat proses perkembangannya. Walau bagaimanapun, fenomena golongan lelaki lembut ini menular sedikit demi sedikit dan kemudiannya semakin bertambah dan menular di tengah masyarakat biarpun kehadiran mereka kurang disenangi oleh kebanyakan individu (Maesarah Ab. Rahim: 2004).

Pernyataan Masalah

Perbincangan tentang kecelaruan identiti bagi golongan lelaki lembut dalam masyarakat Malaysia bukan satu perkara yang baru. Pelbagai seminar, kajian telah dibuat bagi melihat faktor yang menyumbang kepada perubahan identiti ini. Keadaan mereka juga telah menyimpang dari batasan Islam.

Masalah lelaki lembut di IPTA mula digembar-gemburkan kepada umum, khususnya oleh akhbar arus perdana berbahasa Melayu apabila bekas Menteri Perpaduan Negara dan Kebajikan Masyarakat, Datuk Paduka Dr Siti Zaharah Sulaiman menyatakan pihak universiti harus berjaga-jaga dengan kebanjiran

lelaki lembut di menara gading. Pihak universiti juga turut bersetuju dengan dakwaan tersebut sehingga golongan ini boleh menuju kumpulan mereka (Massa: 2004).

Dengan kemunculan kelompok lelaki lembut di dalam bidang akademik, boleh memberi gambaran yang negatif kepada masyarakat dan menjatuhkan imej universiti. Matlamat pelajar ke universiti adalah untuk menuntut ilmu sehingga tamat pengajian. Namun, sama ada disedari atau tidak masalah sosial muncul dengan pelbagai budaya dan ragam. Salah satunya adalah masalah yang dibawa oleh kelompok lelaki lembut yang wujud di dalam persekitaran gedung pendidikan. Seperti hidup bersosial dengan rakan perempuan, budaya "pinky" yang menjadi gaya dan *trend* dikalangan lelaki lembut, dan sebagainya. Melihat kepada fenomena ini, maka penyelidik terdorong untuk membuat kajian berkaitan lelaki lembut, faktor dan kesannya kepada pembentukan sahsiah pelajar di IPTA.

Objektif Kajian

Secara khususnya objektif kajian penyelidikan ini adalah seperti berikut:

- i. Mengetahui faktor yang mendorong seseorang lelaki itu berperwatakan lembut.
- ii. Mengetahui kesannya terhadap pembentukan sahsiah diri di kalangan lelaki lembut di IPTA.
- iii. Mengetahui kedudukan lelaki lembut daripada pandangan Islam.

Kepentingan Kajian

Kajian ini membincangkan tentang keadaan kehidupan yang dialami oleh golongan lelaki lembut khususnya di kalangan mahasiswa IPTA. Kajian ini penting kepada kelompok-kelompok tertentu terutamanya kepada pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP), Fakulti, pensyarah, Kementerian Pengajian Tinggi, Institut Sosial Negara, JAKIM dan masyarakat.

Kajian ini dapat membantu pihak pentadbiran universiti (HEP) dalam mengawal masalah gejala lelaki lembut ini dari terus berkembang. Pihak HEP boleh membuat tindakan susulan seperti kaunseling berkelompok, mengadakan aktiviti dan program-program yang difikirkan wajar dan berkesan untuk lelaki lembut dan dipelbagaikan supaya dengan hasil aktiviti ini dapat membantu golongan ini memperbaiki dan membina kembali identiti mereka. Selain itu juga, pihak HEP perlu segera dalam melaksanakan peraturan berpakaian lengkap. Keadaan ini kerana terdapat sebahagian pelajar yang berperwatakan lelaki lembut berpakaian seperti perempuan, dan memakai *make-up*. Dalam masa yang sama, pihak kabinet Kementerian Pengajian Tinggi juga perlu menambah lagi klausa dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) bagi membolehkan pihak universiti mengambil tindakan yang tegas kepada golongan lelaki lembut ini.

Selain itu, kajian ini penting kepada pensyarah dan pihak fakulti dalam menangani masalah lelaki lembut. Peranan pensyarah bukan sahaja komited dalam pengajaran dan pembelajaran semata-mata malah boleh membantu pelajar dengan memberi nasihat dan bimbingan terutama kepada golongan lelaki lembut supaya kembali kepada fitrah manusia sebenar. Begitu juga dengan pihak pentadbiran fakulti yang mana perlu juga mengambil berat tentang isu lelaki lembut supaya masalah ini tidak menular di kalangan pelajar lelaki yang berperwatakan normal.

Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak Kementerian Pengajian Tinggi dalam menangani masalah kebanjiran golongan lelaki lembut di IPTA. Dalam masa yang sama, kajian ini penting untuk mengetahui faktor-faktor berlaku keceluaran jantina agar ianya dapat memberi satu garis panduan kepada pihak tertentu khususnya Kementerian Pengajian Tinggi di dalam menentukan ciri-ciri dan criteria kemasukan pelajar ke universiti di samping mengatur program-program kesedaran yang sesuai untuk golongan lelaki lembut ini.

Kajian ini sesuai dijadikan rujukan oleh pihak-pihak bertangungjawab khususnya Institusi Sosial Negara (ISN) dalam membantu menangani isu lelaki lembut. Hasil kajian ini sekurang-kurangnya dapat membantu pihak ISN untuk mengambil langkah atau perancangan yang selanjutnya untuk mendekati golongan ini.

Pihak JAKIM pula boleh menjadikan kajian ini sebagai panduan tentang masalah lelaki lembut supaya dapat menyusun program yang bersesuaian kepada golongan ini dan mengeluarkan fatwa berkenaan dengannya supaya mereka dapat kembali kepada keadaan asal dan fitrah kehidupan lelaki yang sebenarnya.

Akhirnya, kajian ini diharap dapat menjadi maklumat dan panduan kepada masyarakat umum yang akan berhadapan dengan golongan lelaki lembut dalam kehidupan dan dapat mendekati golongan ini dalam usaha menarik mereka kembali ke fitrah semulajadi mereka.

Skop Kajian

Kajian ini dijalankan terhadap pelajar lelaki yang menduduki pengajian sepenuh masa yang berwatakkan dan berketrampilan lembut di Universiti Teknologi Malaysia, Kampus Skudai, Johor. Perkara yang dikaji hanyalah terbatas kepada faktor yang mempengaruhi golongan lelaki lembut dan mengetahui kesannya dalam membentuk sahsiah dalam kehidupan mereka kelak.

Metodologi

Metode Penentuan Subjek

Metode penentuan subjek ini bertujuan untuk menentukan halatuju sesebuah kajian yang dilakukan. Di dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan metode *sampling* dalam penentuan subjek penelitian. Metode ini bertujuan membolehkan seseorang penyelidik cuba memilih satu kumpulan individu yang kecil bilangannya dan individu yang dipilih pula hendaklah mewakili keseluruhan penduduk yang lebih besar bilangannya (Wan Mohd Hashim: 1980).

Di dalam kajian ini, penyelidik telah memilih lelaki lembut di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebagai sample kajian. Penyelidik memilih UTM kerana merasakan masalah yang ingin dikaji ini begitu ketara berlaku disini. Ini dibuktikan bahawa kajian tentang lelaki lembut telah dibuat sebelum ini.

Penyelidik telah mengenalpasti cirri-ciri yang perlu ada pada sample, kriteria yang harus dipenuhi oleh sample dan lokasi untuk mendapatkan sample. Dengan cara ini, penyelidik akan mendapat maklumat yang tepat mengenai sample kerana sample yang dipilih adalah memenuhi ciri-ciri dan kriteria yang telah ditetapkan oleh penyelidik.

Kriteria pertama untuk menilai golongan lelaki lembut adalah melalui fesyen pakaian mereka. Wajah mereka pula disapu dengan bedak alas, gincu bibir, pengilat bibir, celak dan maskara untuk mendapatkan wajah yang cantik. Selain itu, golongan lembut akan bercakap dengan suara yang perlahan dan teratur agar menyerupai suara perempuan dan tidak kedengaran terlalu garau. Lenggok percakapan yang ditonjolkan juga adalah begitu lemah lembut. Penyelidik juga mengkategorikan lelaki lembut yang mana melihat dari sudut gaya dan tingkah laku. Lelaki lembut akan berjalan lenggang lenggok dan pergerakan mereka secara berkumpulan di dalam kelompok yang sama dikenali sebagai lelaki lembut juga memudahkan lagi untuk menjalankan kajian.

Di dalam usaha ini penting penyelidik mengetahui terlebih dahulu fenomena ini berlaku yang memberi kesan kepada masyarakat. Sehubungan dengan itu, penyelidik merasakan perlunya kajian seperti ini dilakukan agar sebarang tindakan penyelesaian tercapai sebagaimana yang diharapkan.

Metode Pengumpulan Data

Metode Pengumpulan Data adalah satu usaha untuk mengumpul semua maklumat atau sumber-sumber rujukan bagi kajian. Proses pengumpulan data penting dalam usaha untuk mendapatkan pelbagai maklumat terutamanya masalah-masalah besar yang memerlukan pengkajian yang mendalam. Dalam usaha mengumpulkan bahan bagi penyusunan kajian ini, penyelidik telah menggunakan beberapa metode untuk mendapatkan bahan yang diperlukan.

Sumber-sumber bahan umumnya merupakan sumber pertama di samping menggunakan juga bahan dari sumber kedua. Penyelidik berusaha mengumpul dan mendapatkan bahan seterusnya membuat penelitian ke atas bahan-bahan yang dikumpul. Untuk mendapatkan bahan-bahan yang relevan dengan tajuk kajian, Untuk tujuan itu, penyelidik telah melakukan dua bentuk kajian iaitu kajian perpustakaan (*Library Research*) dan kajian luar (*Field Research*).

Keputusan dan Perbincangan

Faktor Yang Mempengaruhi Lelaki Lembut

Bahagian ini merupakan analisis kepada faktor yang mempengaruhi lelaki lembut. Penyelidik membahagikan kepada empat faktor yang mempengaruhi golongan lelaki lembut di UTM. Faktor tersebut ialah faktor biologi, faktor temanteman, faktor keluarga dan faktor media. Melalui faktor-faktor yang telah disenaraikan, penyelidik ingin melihat apakah faktor yang paling mempengaruhi mereka berperwatakan lembut.

Sebelum merujuk kepada faktor-faktor tersebut, ke semua responden bersetuju dan mengetahui bahawa kelompok mereka dikenali dan tergolong sebagai lelaki lembut. Bahkan, responden C dan responden H menyatakan bahawa mereka bukan sahaja dipanggil lelaki lembut malah pelbagai gelaran diberikan kepada mereka seperti “sotong” dan “pondan”.

Hasil daripada temubual, semua responden memberitahu mereka menjadi lembut bukan disebabkan faktor biologi. Maksudnya disini, mereka tidak mempunyai dua alat sulit iaitu lelaki dan perempuan semasa dilahirkan.

Berkaitan dengan faktor teman-teman ke semua responden bersetuju bahawa lelaki lembut suka berkawan dengan perempuan. Semua responden ini menjelaskan bahawa mereka berkawan dengan perempuan kerana mempunyai jiwa dan budaya yang sama. Manakala tiga responden iaitu responden D, responden F dan responden I memberitahu bahawa mereka telah mula berkawan dengan pelajar lembut sejak di bangku sekolah menengah dan masih berkawan sehingga ke hari ini. Manakala responden D menyatakan bahawa menjadi lembut disebabkan peristiwa silam akibat putus cinta dengan teman wanitanya. Beliau berperwatakan lembut dan mengikut gaya wanita untuk membala dendam terhadap perempuan di luar. Tambah beliau lagi, hatinya susah untuk terima perempuan sebagai teman hidup di masa hadapan.

Apabila mereka masuk ke UTM, mereka masih bersama dalam kelompok lembut. Ke semua responden turut bersetuju bahawa faktor teman-teman merupakan pengaruh yang kuat. Di UTM, mereka suka meluangkan masa bersama-sama seperti keluar makan. Mereka juga lebih suka dan selesa keluar makan bersama kelompok lembut yang lain kerana boleh bertukar-tukar cerita dan berbincang sekiranya mempunyai masalah. Namun, mereka juga mempunyai kawan lelaki normal di kampus. Mereka turut

bantu membantu sesama mereka sekiranya ada dikalangan mereka mempunyai masalah seperti berkaitan dengan hal akademik dan kewangan. Responden D dan Responden E menyatakan bahawa kelompok *senior* lelaki lembut akan membantu *junior* dalam hal akademik. Tambahan lagi, mereka bangga dengan pencapaian akademik yang memberangsangkan. Manakala responden B dan responden D menyatakan kelompok lelaki lembut suka berjalan beramai-ramai. Bagi mereka, keadaan ini memberi keyakinan yang tinggi dan satu kebanggaan kepada mereka di UTM.

Berhubung dengan faktor keluarga, responden C menyatakan bahawa selain faktor teman-teman, faktor yang mendorong beliau menjadi lembut ialah disebabkan kurangnya kasih sayang seorang bapa. Tambah beliau lagi, disebabkan bapanya seorang yang tegas. Beliau lebih rapat dengan ibunya. Manakala bagi responden D selain menjadi anak bongsu dalam keluarga, beliau mempunyai adik beradik perempuan yang ramai. Oleh itu, beliau amat rapat dengan kakak-kakak. Bahkan semasa kecil, beliau suka tidur dan banyak berkongsi cerita atau pengalaman hidup bersama dengan adik beradik perempuan. Bagi responden F, beliau mempunyai dua beradik dalam keluarga. Beliau ialah anak yang sulung. Kecenderungan ibu bapa memberi lebih perhatian kepada anak perempuan lebih daripada anak lelaki turut menjadi faktor pendorong kepada perubahan identiti lelaki lembut. Ini seperti yang berlaku kepada responden F. Kasih sayang seorang bapa diganti dengan perhatian yang lebih oleh ibunya. Tambahan responden F, beliau amat rapat dengan ibunya dan inginkan kasih sayang seorang bapa. Menurut responden A, semasa kecil beliau selalu menggunakan barang solek ibunya dan menggayakan serta memakai pakaian ibunya secara bersembunyi di rumah. Walaupun ibunya sudah mengetahui keadaan tersebut namun tiada teguran diberikan. Pandangan responden A turut disokong oleh responden C menyatakan ibunya suka memakaikan baju perempuan sejak kecil.

Selain faktor teman-teman dan keluarga, faktor media turut memainkan peranan dan mempengaruhi perubahan identiti lelaki lembut. Rancangan-rancangan fesyen, andaman dan solekan amat diminati oleh lelaki lembut. Selain rancangan-rancangan tersebut, media juga didapati sering menayangkan rancangan yang banyak mempopularkan watak mak nyah dan lelaki lembut seperti siri sitcom senario dan raja lawak. Ini dipersetujui oleh semua responden yang mana mereka suka menonton rancangan yang kebiasaannya sesuai ditonton oleh golongan wanita. Responden A dan responden H menyatakan bahawa rancangan yang ditonton bersesuaian dengan jiwa mereka dan mereka suka membaca majalah-majalah yang berkaitan dengan fesyen. Selain itu, mereka suka melihat model-model lelaki yang segak dan model-model perempuan yang cantik. Responden J menyatakan bahawa beliau ingin kelihatan cantik seperti model di dalam majalah. Manakala responden C menambah mereka sentiasa mengikuti perkembangan fesyen terkini dan akan memberi pendapat tentang fesyen tersebut dalam kelompok mereka.

Daripada pengaruh media tersebut menjadi hobi kepada lelaki lembut. Lapan daripada sepuluh responden menyatakan bahawa mereka mempunyai hobi seperti perempuan. Lima responden menyatakan bahawa mereka suka memasak. Manakala tiga responden yang lain cenderung kepada menjahit. Responden C menyatakan bahawa beliau minat menjahit dan bercita-cita untuk mengembangkan minat ini pada masa hadapan. Kelapan-lapan responden juga kepuasan serta mempunyai minat yang mendalam terhadap hobi wanita yang lain.

Rumusan

Dari dapatan kajian menunjukkan faktor yang mempengaruhi lelaki lembut di UTM adalah daripada pengaruh teman-teman, keluarga dan media. Persoalan kedua, kemunculan lelaki lembut tidak dinafikan telah memberi kesan terhadap pembentukan sahsiah. Manakala kedudukan lelaki lembut dalam perspektif Islam adalah haram kerana menyerupai perempuan. Sekiranya mereka menukar jantina hak dan tanggungjawab dari segi perkahwinan, perwalian, pakaian, dan aurat adalah sama dengan hak dan tanggungjawab seperti lelaki normal yang lain.

Rujukan

- ‘Ata’ Abdul Qadir Ahmad (t.t) . *Haza Halal Waza Haram*. Beirut: Darul ‘Itisom.
- Abdul Halim bin Mat Diah (1987). *Suatu Contoh Tentang Huriaian Metodologi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdullah Basmeih (1999). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al- Quran*. Kuala Lumpur : Jabatan Perdana Menteri.
- Abdullah Hassan (2005). *Kamus Seerti Bahasa Melayu*. Pahang: PTS Piblication & Distribution Sdn Bhd.
- Abdullah Hassan, Ainon Mohd (1994). *Tesaurus Melayu Moden Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd.
- Abrak Othman (2005). *Kamus Komprehensif Bahasa Malaysia*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Ahmad Mahmood Musanif (2001). *Kamus Pelajar Karisma*. Selangor: Karisma Publication Sdn Bhd.
- Al Imam al-Bukhari (2002). *Terjemahan Hadis Shahih Bukhari Jilid I, II, III, IV*. (Terj. Oleh H. Zainuddin Hamidy, H. Fachruddin Hs, H. Nasharuddin Thaha, Johar Arifin dan A. Rahman Zainuddin). Singapore: Darel Fajr Publishing House.
- Al Imam Muslim (2003). *Terjemahan Hadis Shahih Muslim Jilid I, II, III, IV*. (Terj. Oleh Ma’mur Daud). Singapore: Darel Fajr Publishing House.
- Azizi Yahaya et.al (2006). *Punca dan Rawatan Kecelaruan Tingkah laku*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.
- Azizi Yahaya et.al (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Selangor: PTS Publication & Distribution Sdn Bhd.
- Hairulazim Mahmud (19 Julai 2003). *Ada Ibu Bapa Galak Anak Lelaki Berwatak Lembut - Siti Zaharah*. Utusan Malaysia.
- Haji Asmungi bin Haji Mohd Sidek (2001). *Kecenderungan Gender Dari Perspektif Agama Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Haji Wan Halim Ohman PM Dr (1987). *Dilema Mak Nyah dalam Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya,
- Hj Mohd Sain Hj Sulaiman (1997). *Buku Katan Kamus Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Imam Barnadib (1982). *Arti Dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP.
- Koentjaraningrat (ed) (1986). *Metode-metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: Penerbit P.T. Gramedia.
- Maesarah Ab. Rahim (2004). *Psikologi lelaki lembut beragama Islam di Universiti Malaya*. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya.